

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : SETEMPAT

Mohd Jamil Anbia Md Dain dan Syazwan Msar am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 317 'laman sesawang maut' disekat Bahagian Penguatkuasa Farmasi (BPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan bantuan Polis Antarabangsa (Interpol) selepas dikenal pasti menjadi laluan menjual ubat-ubatan tidak berdaftar.

Melalui operasi Pangea X 2017 bermula 12 September hingga 19 September lalu, pihak KKM turut merampas pelbagai ubat-ubatan haram bernilai RM3.6 juta di seluruh Malaysia.

Operasi BPF itu turut dibantu 197 agensi penguatkuasaan dari 123 negara yang mengambil bahagian dalam operasi antarabangsa itu.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kejayaan itu hasil penyerahan Malaysia kali ke-5 sejak Operasi Pangea ini dimulakan.

"Operasi Pangea X yang diselenggarakan Interpol ini memberi tumpuan kepada laman sesawang dan media sosial yang menawarkan ubat-ubatan haram dan membahayakan nyawa pengguna.

Sekat 317 'laman sesawang maut'

KKM dengan bantuan Interpol ambil tindakan terhadap laman web jual ubat tidak berdaftar

"Ini adalah tindakan penguatkuasaan berasaskan Internet yang terbesar seumpamanya diadakan di seluruh dunia," katanya.

Menurutnya, berbanding tahun lalu, Operasi Pangea X mencatatkan rekod rampasan ubat-ubatan haram seluruh dunia dengan nilai rampasan USD 51 juta (RM 229.5 juta).

"Operasi Pangea X menyoal tiga aspek utama dalam peredaran ubat-ubatan haram melalui Internet iaitu pembekal perkhidmatan Internet (ISP), sistem pembayaran elektronik dan perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan (kurier dan pos).

"Hasil keseluruhan Operasi Pangea X, 3,584 laman web dan 3,000 pengiklanan membabitkan penjualan ubat-ubatan haram disekat di seluruh dunia. Sebanyak 715,000 bungkusan pos dan kurier diperiksa agensi penguatkuasaan di seluruh dunia dan 470,000 daripada

danya dirampas," katanya.

Di Malaysia, operasi ini membabitkan kerjasama antara KKM dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Cybersecurity Malaysia (CSM).

"Sebanyak 317 laman web dan 440 akaun di laman sosial yang didapati menjual produk farmaseutikal yang menyalahi perundangan undang-undang dikuatkuasa dipantau, disiasat dan diambil tindakan.

"Dalam tempoh seminggu operasi, beberapa platform e-dagang juga dipantau. 200 peniaga yang mengiklankan produk farmaseutikal yang tidak berdaftar, dicampur racun dan juga kosmetik

yang mengandungi racun untuk tujuan jualan diambil tindakan," katanya.

"Pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara membabitkan pusat mel dan kurier, lapangan terbang, pos sempadan, terminal feri dan sebagainya.

"Sepanjang tempoh operasi ini, sebanyak 32,226 bungkusan, begasi dan kargo diperiksa. Daripada jumlah itu, 458 bungkusan pos dan kurier, begasi dan kargo bernilai RM1.9 juta dirampas," katanya.

Menurutnya, antara produk utama yang di-kesan dan di-rampas adalah kosmetik tidak

dang-undang dirampas untuk tindakan lanjut.

"Turut dirampas 22 peranti digital seperti komputer, tablet dan telefon bimbit yang digunakan sebagai medium untuk memasarkan produk," katanya.

Penekanan turut diberikan ke atas aktiviti meningkatkan kesedaran pengguna tentang risiko dan bahaya pembelian ubat-ubatan secara atas talian.

bermotifikasi dan dicampur palsu, suntikan vitamin C, pelangsing badan, dan produk farmaseutikal dicampur racun berjadual yang kebanyakannya tidak berdaftar dengan KKM.

"Selain itu, serbuan turut dijalankan ke atas 49 premis tidak berlesen yang kebanyakannya menjual produk farmaseutikal dalam talian di seluruh Negara. Dalam serbuan itu, 129,022 produk farmaseutikal yang menyalahi peruntukan un-

Pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara Dr Noor Hisham



ANTARA produk mengandungi pelbagai racun berjadual yang dikeluarkan KKM.

Perangkap 'kedai ubat' maya

Kuala Lumpur: Janjian tubuh sempurna tanpa cacat cela. Itu antara kegiatan ribuan 'kedai ubat' haram yang beroperasi di laman sesawang Internet.

Rata-rata pemilik kedai ubat itu memasarkan produk untuk menguruskan badan, meningkatkan tubuh, memutihkan kulit serta mengubah struktur wajah.

Walaupun produk dijual tidak mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), namun sambutan diterima cukup hebat berikutan ramai rakyat negara ini sanggup mengambil risiko.

Hasil tinjauan wartawan Harian Metro di beberapa laman sosial seperti Facebook, Twitter dan blog mendapati masih wujud aktiviti penjualan produk yang diharuskan KKM sebelum ini.

Antara produk popular di laman sosial membabitkan krim pemutih, pil kurus, menghilangkan jerawat dan juga ubat perangsang seks.

Selain itu pil khusus untuk tumbesaran otot, mengugurkan janin selain pil psikotropik turut bebas dijual di kedai ubat itu.

Ada antara laman sosial berkenaan beroperasi lebih tiga tahun dengan kebanyakan pelanggan mereka wanita berusia 20 hingga 40-an yang mahu kelihatan menarik tanpa memikirkan kesan sampingan.

Difahamkan juga, urusan jual beli produk berkenaan dilakukan di atas talian bertujuan mengelak dikesan atau diambil tindakan pihak berkuasa.

KKM baru baru ini mengeluarkan senarai lebih 20 produk mengandungi pelbagai racun berjadual namun ada antara penjual terbahit mendakwa produk itu selamat dan tidak memberi



kesan kepada pengguna.

Antara produk berkenaan adalah Moleek Day Cream, Adel Miracle Flawless Serum, Ah Beauty Night Cream, Ndz UV Whitening, Snow Cream Normal, Snow Cream Sensitif, Dnar Nar Cream-Sensitif, Ellife Night Cream, Tati

Skincare Night Cream, Tati Skincare Treatment Cream, Moleek Anti Pigment Cream, Night Glowing, Night Glow dan Qu Gebu AP krim.

Kebanyakan produk berkenaan mengandungi racun berjadual iaitu merkuri, hydroquinone dan tretinoin

yang boleh memberi kesan kepada pengguna.

Ada antara produk berkenaan begitu dikenali di laman sosial dan blog selain menjadi pilihan orang ramai terutama wanita dan remaja untuk kelihatan lebih cantik.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : SETEMPAT

## Rawatan dialisis di rumah lebih jimat

**Kuala Lumpur:** Pesakit buah pinggang terutama di kawasan pedalaman digalakkan melakukan sendiri rawatan dialisis atau mencuci buah pinggang di rumah bagi mengelak kerap berulang ke pusat dialisis atau hospital.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, kaedah rawatan dialisis di rumah atau *continuous ambulatory peritoneal dialysis* (CAPD) itu bukan saja memudahkan urusan rawatan, malah mengurangkan kos pesakit.

Beliau berkata, pesakit perlu melakukan CAPD selama setengah jam, empat kali sehari di rumah dan memerlukan pesakit ke

hospital dua bulan sekali untuk pemeriksaan berbanding ke hospital setiap minggu untuk rawatan.

“Pesakit akan dilatih untuk melakukannya sendiri dengan mematuhi aspek kebersihan secara teliti.

“Kaedah ini juga lebih murah berbanding di hospital yang mencecah RM200 sekali rawatan,” katanya ketika sesi pertanyaan jawab lisan persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Julian Tan Kok Ping (DAP Stampin) berhubung masalah kekurangan tempat dialisis di hospital dan klinik kerajaan dengan penambahan jumlah pesakit dialisis.

Mengulas lanjut, Dr Hilmi

berkata dengan melakukan CAPD, ia dapat menjimatkan kos rawatan setiap tahun kepada RM25,000 bagi seorang pesakit berbanding RM40,000 bagi rawatan di pusat dialisis.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan akan terus mewujudkan lebih banyak pusat dialisis di seluruh negara bagi menampung peningkatan jumlah pesakit buah pinggang setiap tahun.

Katanya, bagi menggalakkan lebih banyak pihak swasta menubuhkan pusat dialisis di negara ini, kerajaan turut memperuntukkan dana secara sekular berjumlah RM20 juta untuk tujuan berkenaan.



**Kaedah ini juga lebih murah berbanding di hospital yang mencecah RM200 sekali rawatan”**

**Dr Hilmi**

